

MSO
MOHD SAYUTIOMAR

m
JAGAT MEDIA



ANWAR PM10

AIRMATA DAN SUMPAAH
DURI DAN RANJAU SEBUAH PERJALANAN

Disusun oleh
Ronifira Rejab


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPEMIMPINAN
PERDANA



ANWAR PM10

Airmata dan Sumpah

“Duri dan ranjau sebuah perjalanan”



JAGAT MEDIA

PUSTAKA PERDANA



1013326



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Anwar PM10: Airmata dan Sumpah
Copyright © 2023 Mohd Sayuti Omar
Cetakan Pertama, 2023.
Malaysia

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian di dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan di dalam sistem simpanan kekal atau dipinda mahupun dipindahkan kepada sebarang bentuk atau sebarang cara lain sama ada secara elektronik, mekanik, salinan fotokopi, perimejan, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada penerbit atau pemilik hak cipta.

Diterbitkan oleh
Jagat Media PLT
311-A (Hadapan), Tingkat 1,
Melawati Square, Lorong Kedah,
Pusat Bandar Taman Melawati,
53100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Didasarkan oleh
Brainwave Communications
311-A (Hadapan), Tingkat 1,
Melawati Square, Lorong Kedah,
Pusat Bandar Taman Melawati,
53100 Kuala Lumpur, Malaysia.
+60 10-872 5969

Mohd Sayuti Omar, 1960-
Anwar PM10: Airmata dan Sumpah
ISBN 978-629-97746-0-0

Dicetak oleh
Firdaus Press Sdn. Bhd.
No. 28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor D.E.

Penafian:
Penerbit, pengedar dan pencetak tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa fakta atau maklumat penulisan yang dikumpul daripada sebarang sumber yang diperolehi dalam penerbitan buku ini.

320.9595



“Kalau takut dengan risiko
usah bicara tentang perjuangan”

- Anwar Ibrahim -



Kandungan

SEHEMBUS BAYU DI BUKIT	xii
MUKADIMAH	xvii
BAHAGIAN 1	
MERDEKA KEDUA / 1990	01
• Calon-calon PM Malaysia	03
BAHAGIAN 2	
ANWAR IBRAHIM: MIMPI DAN REALITI / 1990	07
• Anwar yang Kita Kenali	08
• Anwar Diperangkap dan Terjerat	17
• Musuh Anwar	26
• Nota untuk Anwar	36
• Mimpi Anwar	39
BAHAGIAN 3	
ANTARA ANWAR, DOLLAH DAN SANUSI: TUHAN PILIH SIAPA / 1992	41
• Selepas Ghafar – Mahathir Mahukan Anwar	44
• Kalau Mahathir Wafat: Anwar Terlepas Pesaka	47
• Anwar Ibrahim: Pencetus Perang Saudara	51
BAHAGIAN 4	
ANWAR DIZALIMI / 1998	57
• Siapa Ganti Mahathir?	58
• Siapa Pencabar Anwar?	66

BAHAGIAN 5

SUMPAH DAN AIRMATA:

REFORMIS BANGSA / 1998	71
• Anwar Tersingkir kerana Konspirasi	72
• Mengapa Anwar Dipecat?	85
• Dr. Mahathir Dikejar Bayang Sendiri	102
• Siapa Khalid Jafri?	111
• Reformasi! Reformasi! Reformasi!	121
• Apakah Api Reformasi akan Padam?	133
• Stop Press	144
• Ucapan Anwar Selepas Dipecat Daripada Kabinet	145
• Transkrip Penuh Wawancara Pertama Anwar Dengan Wartawan	154

BAHAGIAN 6

CINTA DAN PERJUANGAN

NONAKU AZIZAH / 1999	173
• Tangisanku Siapalah yang Tahu?	175
• Azizah Gadis Pujaan Ramai	181
• Pertemuan Pertama Saya dengan Azizah	186
• Kalau Azizah Tentang Mahathir	190
• Wawancara Eksklusif dengan Datin Seri Dr. Wan Azizah	196

BAHAGIAN 7

ANWAR TETAP PM / 2003

• Anwar Tetap PM	216
• Pawancheek Marican: Saya Bela Anwar Kerana Difitnah...	223
• Pandangan (Fatwa) Syariah Terhadap Hukuman Bersalah Dato' Seri Anwar Ibrahim	230
• Menzalimi Anwar: Lee Kuan Yew Akui Mahathir Silap	235

BAHAGIAN 8

ANWAR COMEBACK: GELOMBANG REFORMASI KEDUA / 2004	241
• 2 September yang Dua Warna	242
• 2 September Itu...	247
• Terima Kasih Pak Lah	252
• Pendakwa Gagal Bukti Kes Liwat Anwar	257
• Kronologi Kes Anwar Diftnah	260

BAHAGIAN 9

PETIKAN DARI AKHBAR SIASAH / 2005 - 2010	273
• Anwar Ada Peluang	274
• Kembalikan Jawatan TPM kepada Anwar	276
• Konspirasi Jatuhkan Anwar Wajar Dibongkar	279
• Haron Din Cadang Anwar Ketua Parti Baru	282
• Loncatan Baru dalam Perjuangan	285
• Anwar Dakwa Najib Dalang	291
• Video Lucah Misteri!	293
• Video Lucah Kerajaan Terlibat – Hadi	296
• Nik Aziz Bela Anwar	299
• Azizah Sahkan Bukan Anwar	301
• Bawa Isu Anwar ke Muktamar	304
• Cubaan Bunuh Anwar	309
• Isu 1MDB: Najib Bohong - Anwar	312

BAHAGIAN 10

PENJARA BUKAN PUSARA: ANWAR IBRAHIM PM YANG DIDAMBAKAN / 2019	315
• Anwar Tidak Pernah Mati	318
• Pengampunan Paling Bermakna	320
• Anwar: Dari Penjara ke Istana, Penjara Bukan Pusara	323
• Anwar Tidak Tergoda dengan Panggilan Syaitan	327
• Mencari Tangan Dicurigai Disebut Anwar	332

BAHAGIAN 11

MENGAPA ANWAR BELUM JADI PM / 2021	345
• Anwar dan Reformasi	346
• Keadilan Tidak Lumpuh kerana Pengkhianat	352
• Anwar Putera Negara yang Dikhianati	357
• Dua Dekad Perjuangan Reformasi	361

BAHAGIAN 12

• PENUTUP / 2022 - 2023	371
• Anwar PM10	372

PENCAPAIAN ANWAR SEHINGGA KINI	377
LIRIK LAGU PARTI KEADILAN RAKYAT	379
GLOSARI	380



Sehembus Bayu di Bukit

ALHAMDULILLAH, dengan penuh kesyukuran kepada yang Maha Esa dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah kami keluarkan sebuah *masterpiece* yang sungguh bermakna ini.

Sebuah buku yang memberikan satu rentetan sejarah kepada kita semua tentang bagaimana sebuah perjuangan daripada seorang insan yang begitu tabah dan tanpa putus asa dalam melalui liku-liku perjalanan yang penuh dengan onak dan duri, cabaran dan dugaan, yang tak mungkin orang biasa-biasa dapat menempuhnya.

Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mencipta satu sejarah di dalam tanah air kita di mana perjuangan getirnya untuk diangkat sebagai Perdana Menteri akhirnya tercapai, meskipun beliau telah dipenjarakan sebanyak dua kali oleh dua mantan Perdana Menteri sebelum ini.

Mengimbau kembali kepada permulaan bagaimana pihak kami dapat mulakan naskah ini:

Pagi itu, jam 7.56, 24 November 2022, saya telah menerima satu pesanan *Whatsapp* dari Mohd Sayuti Omar (MSO) mengajak bertemu untuk memulakan projek buku ini. Pagi itu belum pun pasti lagi yang Anwar bakal diangkat menjadi Perdana Menteri. Namun MSO dengan penuh yakin berpendapat bahawa Anwar bakal dilantik.

Petang itu, jam 1.30 maka keluarlah berita dari Istana Negara yang mengesahkan pelantikan Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10. Alhamdulillah...

Dengan penuh gembira dan bersyukur dengan berita itu, kami telah menetapkan untuk bertemu pada keesokan paginya, memandangkan ingin menyaksikan sendiri detik-detik bersejarah

majlis angkat sumpah Anwar yang diadakan pada 5.00 petang hari tersebut juga, 24 November 2022 secara langsung.

Sejarah telah terpahat dan tidak akan dapat dipadamkan lagi.

Maka dalam masa yang singkat, Alhamdulillah, terbitnya buku yang sungguh bermakna ini. Semoga pembaca dapat merasai bagaimana perjalanan seorang insan untuk menjadi pemimpin nombor satu Malaysia, yang menjadi impian setiap rakyat yang cintakan kepada keadilan dan integriti untuk memacu ekonomi Malaysia ke tahap yang membanggakan.

Dengan terbitnya buku ini jugalah, kepada anak-anak muda yang tidak kenal malah tidak tahu bagaimana rintisan seorang pejuang reformis yang bernama Anwar Ibrahim, semenjak 32 tahun lalu, pada tahun 1990, kami menyorot kembali perjalanan perjuangan beliau yang penuh dengan ranjau itu; difitnah, dihina, diugut, dikeji, dipenjara, dipukul, ditohmah dan segala bentuk tekanan, kesulitan dan dugaan yang dihadapinya bersama isteri dan keluarganya.

Bersama-samalah kita, dengan penuh insaf dan tawaduk, memohon kepada Yang Maha Esa agar Anwar Ibrahim berjaya membuat satu reformasi terhadap Malaysia dan menjulangnya menjadi satu negara yang sangat dihormati dan disanjung kembali. Kepada-Mu kami berserah.

Terima kasih jua kepada MSO yang memberikan sepenuh kepercayaan untuk kami menyusun dan menerbitkan buku **Anwar PM10: Airmata dan Sumpah** ini.

Penyusun
Ronifira Rejab

Kenyataan daripada Istana Negara berkenaan pelantikan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10



ISTANA NEGARA
 JALAN TUANKU ABDUL HALIM
 50480 KUALA LUMPUR
 Web www.istananegara.gov.my

Telefon . 03-6200 1000/
 03-6200 1200
 Faks . 03 6205 2121

KENYATAAN MEDIA

Kuala Lumpur, 24 November 2022 – Adalah dimaklumkan bahawa KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat menghadiri dan mempengerusikan Perbincangan Khas Raja-Raja Melayu di Istana Negara, hari ini.

Pada sesi Perbincangan Khas yang berlangsung bermula pada 11.00 pagi itu, Seri Paduka Baginda telah berkenan mewasalkan kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu proses pelantikan Perdana Menteri baharu susulan daripada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) pada 19 November 2022 lepas.

Perbincangan Khas itu adalah juga bertujuan bagi Seri Paduka Baginda mendapatkan pandangan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu untuk membolehkan Baginda membuat keputusan yang terbaik demi kepentingan dan kesejahteraan negara serta rakyat.

Proses yang tersebut di atas adalah bagi membolehkan Seri Paduka Baginda membuat keputusan melantik seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hemat Baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Setelah memperhalusi titah pandangan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu, Seri Paduka Baginda telah memberi perkenan untuk melantik Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Ahli Parlimen P.063, Tambun) sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 selaras dengan kuasa Baginda yang diperuntukkan di bawah Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Proses seterusnya ialah Istiadat Pengumiaian Suratcara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia sebagai Perdana Menteri yang dijadualkan berlangsung pada jam 5.00 petang hari ini di Istana Negara.

Seri Paduka Baginda mengingatkan kepada semua pihak bahawa yang menang tidak menang semua dan yang kalah tidak kalah semua. Justeru, bagaikan biduk lalu, kiambang bertaut, hulurkan tangan antara satu dengan yang lain bagi merapatkan semula saf antara semua ahli-ahli Dewan Rakyat demi masa depan negara tercinta.

Seri Paduka Baginda menegaskan bahawa negara ini umpama harta pusaka di mana para pemimpin adalah pemegang amanahnya. Harta pusaka ini perlu dijaga kerana ianya bakal diwarisi oleh generasi muda yang akan membawa negara terus ke mercu kejayaan.

Seri Paduka Baginda turut berpesan kepada Perdana Menteri dan Kerajaan baharu Baginda yang bakal dibentuk untuk mengambil resmi padi, semakin berisi semakin tunduk. Hakikatnya, rakyat jelata tidak wajar dibebankan dengan kemelut politik yang tiada kesudahan tatkala negara memerlukan sebuah Kerajaan yang stabil untuk merencanakan lanskap ekonomi dan pembangunan negara.

Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat turut diingatkan supaya mempamerkan solidariti dengan memberikan keutamaan, komitmen yang tinggi dan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Seri Paduka Baginda turut menzahirkan setinggi penghargaan atas sokongan berterusan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dalam menyempumakan tanggungjawab Baginda selaku Raja

Berperlembagaan yang berteraskan keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan Kedaulatan Undang-undang.

Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu turut menyokong pendirian Seri Paduka Baginda bagi pembentukan Kerajaan yang stabil dengan secepat mungkin berikutan PRU15 menerusi proses yang penuh cermat dan teliti serta pemerhatian yang mendalam.

Seri Paduka Baginda memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dan menyeru rakyat agar terus beristiqomah serta bertenang dan bersama mendoakan agar negara sentiasa berada diberkati, dirahmati dan di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dijauhi dari sebarang bencana dan musibah.

Dato' Seri Ahmad Fadil Shamsuddin
Datuk Pengelola Bijaya Diraja
Istana Negara

Mukadimah

Selawat dan Salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW dan juga kepada semua sahabatnya.

Buku ini adalah sebuah rentetan sejarah perjalanan perjuangan Anwar Ibrahim semenjak daripada tahun 1990 sehinggalah beliau berjaya menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada tahun 2022. Buku ini merupakan himpunan terpilih karya buku-buku MSO yang pernah diterbitkan. Juga dibawa bersama dalam buku ini koleksi artikel dan rencana berita peristiwa yang berkisar tentang Anwar Ibrahim yang telah disiarkan di dalam akhbar Siasah. Peristiwa-peristiwa menyayat hati, yang mencabar fitrah kemanusiaan, gelora dalam arus politik tanah air, juga catatan-catatan yang bisa menggoncangkan arus perdana politik tanah air.

Antara buku-buku pilihan yang dikumpulkan ke dalam buku ini adalah Merdeka Kedua yang telah diterbitkan pada tahun 1990; Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti, 1990; Antara Anwar, Dollah dan Sanusi, Tuhan Pilih Siapa?, 1992; Anwar Dizalimi, 1998; Cinta dan Perjuangan Nonaku Azizah, 1999; Majalah Anwar Tetap PM, 2003; Anwar Comeback: Gelombang Reformasi Kedua, 2004; Koleksi himpunan artikel terbitan akhbar Siasah dari tahun 2005 hingga 2010; Penjara Bukan Pusara: Anwar Ibrahim PM yang Didambakan, 2019 dan Mengapa Anwar Belum Jadi PM, 2021.

Kisah-kisah dan peristiwa-peristiwa perjalanan hidup Anwar Ibrahim disusun dengan teliti bermula daripada tahun 1990 sehinggalah ke 2022. Pembaca akan dibawa kembali ke tahun-tahun yang lampau dan pembaca bakal menghayati sendiri bagaimana peritnya perjalanan hidup insan pejuang tersebut.

Perjuangan seorang insan yang bernama Anwar Ibrahim untuk mencapai impian ke Putrajaya adalah satu perjalanan yang penuh berliku, onak, duri dan ranjau, yang terlalu tajam, yang bisa mematahkan semangat dan jiwa sesiapa yang tidak kuat dan kental.

Begitulah Anwar Ibrahim. Terlalu banyak halangan dan rintangan, segala bentuk kehinaan, kekejian, fitnah, hasutan, ugutan, adu domba, gangguan fizikal dan mental, pemenjaraan dan berbagai lagi cabaran dan rintangan yang menjadi tembok untuk beliau bergerak dan memenuhi impiannya itu.

Kita semua sedia maklum bahawa segala cabaran dan rintangan tersebut telah dihadapi kepada beliau sedemikian rupa dengan satu tujuan untuk membunuh jiwa perjuangannya, dan seterusnya untuk memadamkan api reformasi yang dibawa beliau. Namun semua itu tidak berjaya dan tidak pernah menggugat jiwa dan tekadnya. Segala rintangan itu sebaliknya menjadi baja yang menyemai kekuatan dan kelebihan semangat kepadanya untuk terus melangsungkan semua yang diperjuangkannya.

Perlu kita ingat bahawa walaupun beliau telah dikurung dan diasingkan daripada rakyat dengan dipenjarakan dan didera dengan begitu kejam sekali selama hampir 10 tahun, namun beliau masih mampu untuk menggerakkan api perjuangan reformasinya.

Walaupun beliau telah dipintas oleh dua PM, yang menjarakkan hampir 10 tahun, namun ia tidak pernah mematikan impian rakyat terutamanya pendukungnya yang mahukan Anwar menjadi Perdana Menteri. Malah, Anwar sendiri pun tidak berasa kecewa dan putus harapan dengan apa yang telah dilaluinya. Beliau terus teguh untuk meneruskan perjuangannya.

Sebenarnya, kita sendiri tidak pernah terfikir bagaimana beliau mampu menggerakkan cita-citanya untuk mencapai jawatan Perdana Menteri Malaysia. Beliau telah dipenjara bukannya sekali malah dua kali dan Anwar terpaksa menghabiskan masa selama hampir 10 tahun meringkuk di penjara, semuanya adalah kerana difitnah semata-mata. Bayangkan bagaimana sekiranya ianya terjadi kepada kita, dapatkah kita mengharungi segala badai dan gelombang tersebut?

Semoga buku ini dapat memberikan satu dimensi yang menyeluruh tentang bagaimana sukarnya seseorang yang bernama Anwar Ibrahim itu, untuk membawa obor reformasi bagi menerangi tanah air kita yang tercinta ini. Ia juga untuk lapisan anak muda yang tidak pernah tahu dan tidak pernah diceritakan tentang insan Anwar Ibrahim ini. Buku ini sudah pastinya akan membuka minda dan perspektif setiap yang membacanya dan mengenali dengan lebih dekat sebatang tubuh manusia yang bernama Anwar Ibrahim.

Bertolak kepada kehebatan dan sejarah liku-liku hidup Anwar itu juga maka MSO berikrar dan mendoakan agar Anwar menjadi Perdana Menteri Malaysia, walaupun hanya satu hari sahaja.

Dan Alhamdulillah, dipanjatkan jutaan kesyukuran kepada Yang Maha Esa, maka pada tanggal 24 November 2022, termakbullah doa itu dan juga doa jutaan manusia lain yang sama-sama mendambakan Anwar Ibrahim diangkat memimpin negara yang tercinta ini.

Semoga Anwar dapat memenuhi impian dan harapan semua untuk membawa Malaysia ke tahap kegemilangan.

Salam hormat dan selamat membaca.

Mohd Sayuti Omar (MSO)



Bahagian 1

MERDEKA KEDUA / 1990

“...pokok paling penting kepada sesiapa yang hendak menjadi pemimpin, hendaklah asuhkan diri dahulu supaya jadi baik. Tanamkan sifat-sifat dan nilai-nilai kepimpinan Nabi Muhammad dalam diri terlebih dahulu. Tunjukkan ketabahan dalam perjuangan. Buktikan keikhlasan kita dalam perjuangan.”

KEMERDEKAAN dan ketamadunan Melayu yang diiktiraf sejak 30 tahun lalu tiba-tiba dipertikaikan. Kenapa? Dan sejauh manakah pengorbanan parti-parti Melayu seperti UMNO, PAS, HAMIM dan Semangat 46 terhadap kepentingan agama, bangsa dan tanah air. Dan harakah manakah yang akan menjadi alternatif dan pengganti kepada parti-parti berkenaan di era kebangkitan Islam ini.

Tahun-tahun 1990an dijangka tahun kemuncak kebangkitan Islam di Malaysia dan sekaligus menjadi tahun keramat akan merubah *mood* ummah Islam dan struktur pemerintahan Malaysia. Perubahan itu sekaligus turut merubahkan fanatisme Melayu yang kesekian lama bertakhta dalam sanubari bangsa itu sejak 500 tahun yang lampau.

Selepas 1995, Dato' Seri Mahathir Mohamad diramalkan tidak lagi menjadi Perdana Menteri Malaysia. Tuntutan masa dan gelombang kebangkitan Islam memaksa beliau mengundurkan diri ataupun digulingkan? Siapakah di antara calon Perdana Menteri, Anwar Ibrahim, Tengku Razaleigh, Fadzil Noor dan Ashaari Muhammad akan mengambil alih tempat Mahathir?

Dengan berani dan bertanggungjawab dan di luar pemikiran orang lain, MOHD. SAYUTI OMAR telah berargumentasi dan menghuraikan satu persoalan itu tanpa segan silu dan penuh keterbukaan dalam buku MERDEKA KEDUA ini.

Calon-calon PM Malaysia

Nabi Muhammad SAW tidak pernah bermimpi untuk menjadi pemimpin manusia atau khalifah di muka bumi ini. Baginda sedikitpun tidak berkempen, malahan tidak tahu pun yang baginda akan diangkat menjadi Rasul. Tetapi kerana baginda baik budi pekerti, jiwa baginda bersih, akhlak mulia, kerana baginda mempunyai sifat Siddiq, Fatanah, Tabligh dan Amanah, maka baginda diangkat oleh Allah SWT menjadi pemimpin manusia. Allah pilih baginda menjadi Ketua manusia di alam seجات ini. Walaupun baginda sendiri tidak pernah berusaha untuk menjadi ketua.

Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin (Khulafa ar-Rasyidin) yang lain. Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab, Uthman Ibn 'Affan dan Ali Ibn Abi Talib, tidak pernah memimpi untuk menjadi pemimpin. Mereka tidak pernah mengidam untuk menjadi ketua. Malahan untuk menjadi manusia yang berkuasa, tidak pun terlintas dalam kepala mereka.

Tapi mengapa mereka diangkat menjadi pemimpin (Khalifah)? Sebab mereka mempunyai peribadi yang baik. Mereka mempunyai ketokohan dan kewibawaan. Mereka telah menyempurnakan diri mereka sebagai seorang Islam. Mereka telah berjaya memimpin diri mereka ke jalan Allah terlebih dahulu. Mereka juga merupakan manusia yang bertanggungjawab. Yang amanah kepada janji. Yang ikhlas dalam perjuangan.

Kesimpulannya, pokok paling penting kepada sesiapa yang hendak menjadi pemimpin, hendaklah asuhkan diri dahulu supaya jadi baik. Tanamkan sifat-sifat dan nilai-nilai kepimpinan Nabi Muhammad dalam diri terlebih dahulu. Tunjukkan ketabahan dalam perjuangan. Buktikan keikhlasan kita dalam perjuangan.

ANWAR PM 10 AIRMATA DAN SUMPAAH

MSO
MOHDSAYUTIOMAR

ANWAR IBRAHIM telah mengangkat sumpah pada 24hb November 2022. Tarikh keramat ini bakal dikenang oleh semua rakyat Malaysia yang menyimpan harapan agar susuk tubuh insan bernama Anwar Ibrahim diangkat menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Buku ini adalah sebuah catatan yang mewakili segenap duri dan ranjau yang telah ditempuhi oleh Anwar Ibrahim dalam perjuangannya untuk mengubah dan mereformasikan Malaysia ke arah sebuah negara yang menjulang tata urus yang bersih daripada rasuah dan memberikan keadilan kepada semua rakyat yang bernaung di bawah satu negara Malaysia. Buku ini adalah kumpulan daripada 10 judul buku yang dikeluarkan oleh saya, yang di dalam buku-buku tersebut adalah naratif kepada perjuangan dan perjalanan Anwar Ibrahim untuk berjuang melawan setiap onak dan duri sehingga berjaya melangkah ke Istana Negara, mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10.

Dalam buku ini juga dikumpulkan catatan-catatan saya dan beberapa tulisan berkenaan rentetan peristiwa-peristiwa yang dilalui Anwar yang telah disiarkan di dalam Akhbar Siasah melalui Kolum 'Arus Bawah' dan juga lain-lain segmen yang berkaitan. Pelbagai pandangan, kritikan, nasihat dan komentar saya berkenaan politik tanah air terutamanya yang berkisar tentang turun naik Anwar Ibrahim dalam meniti liku-liku perjuangannya.

Pembaca akan dibawa kembali menyorot ke tahun-tahun hampir 32 tahun yang lampau di mana Anwar bergerak di dalam ABIM dan menubuhkan Gerakan Reformasi pada tahun 1998 yang menjadi tunjang kepada tertubuhnya Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan seterusnya memimpin gabungan Pakatan Harapan.

DURI DAN RANJAU SEBUAH PERJALANAN

ISBN 978-629-97746-0-0



JAGAT MEDIA

RM70.00 Sem. Msia
RM75.00 Sabah/S'wak

Disusun oleh
RONIFIRA REJAB

